



TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

BAGI
RAKAMAN VIDEO KHAS SEMPENA HARI
INTEGRITI 2020

PADA 24 NOVEMBER 2020
(SELASA)

PENDAHULUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

Bismillahirrahmanirrahim.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya jua, maka dapat kita menyempurnakan **Majlis Sambutan Hari Integriti 2020** Peringkat Kementerian Kerja Raya, secara maya, pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada **Unit Integriti, Kementerian Kerja Raya** selaku penganjur majlis serta semua Bahagian, Jabatan dan Agensi yang terlibat dalam menjayakan majlis secara norma baharu ini.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

3. Tahun 2020 bakal melabuhkan tirainya dalam tempoh sebulan lebih sahaja lagi. Dalam tahun ini, kita berhadapan dengan banyak ujian, cabaran dan perubahan yang menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat dan kepimpinan negara ini. Hal yang sama turut berlaku di seluruh dunia susulan penularan wabak COVID-19 yang membawa impak besar bukan sahaja kepada kehidupan seharian kita, malah ekonomi dan sosial.
4. Namun pelaksanaan projek dan program utama yang telah dirangka oleh Kerajaan tetap diteruskan dengan berpandukan *standard*

operating procedure (SOP) serta garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Ini bertujuan untuk memastikan kestabilan ekonomi, kelangsungan perniagaan, keselamatan dan kesejahteraan hidup rakyat.

5. Sehubungan itu, semua warga KKR perlulah mematuhi SOP dan membudayakan norma-norma baharu sepanjang masa berkonsepkan **#KitaJagaKita**, **#StayAtHome** serta **#KawalanKendiri**. Ini penting untuk memastikan tiada peningkatan kes COVID-19 dalam kalangan warga Kementerian ini.

“INTEGRITI TERPELIHARA, RAKYAT SEJAHTERA”

6. Bagi tahun 2020, ***“INTEGRITI TERPELIHARA, RAKYAT SEJAHTERA”*** merupakan tema yang dipilih oleh Kementerian bersempena sambutan Hari Integriti. Tema ini amat sinonim dengan nilai dan teras amalan di Kementerian ini.
7. Selain daripada nilai profesional dan kerja berpasukan, nilai integriti merupakan salah satu daripada tiga (3) Nilai-Nilai Bersama yang menjadi teras amalan di Kementerian Kerja Raya. Nilai integriti adalah kualiti asas yang perlu ada pada diri setiap warga KKR untuk memastikan pencapaian visi, misi dan fungsi Kementerian secara keseluruhannya. Manakala, perancangan dan pelaksanaan projek dan program Kementerian adalah berkonsepkan Ke Arah Kesejahteraan Rakyat seperti mana yang dizahirkan melalui moto Kementerian.

8. Secara analoginya bolehlah dikatakan bahawa konsep “**Integriti Terpelihara, Rakyat Sejahtera**” telahpun tertulis di dalam DNA Kementerian Kerja Raya ini. Walau bagaimanapun, persoalan yang lebih penting adalah sejauh manakah kefahaman, penghayatan dan pengamalan warga Kementerian akan konsep pemeliharaan integriti ke arah kesejahteraan rakyat dalam pelaksanaan tanggungjawab dan tugas seharian.

PENGURUSAN INTEGRITI

9. Sebagai salah sebuah kementerian yang besar, usaha ke arah pembangunan dan pemantapan industri pembinaan negara sangat terdedah kepada risiko amalan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.
10. Berdasarkan statistik, Unit Integriti Kementerian telah menerima 136 aduan dari tahun 2016 sehingga 2019, melibatkan kes-kes pelanggaran tatakelakuan dan peraturan, ketidakhadiran, rasuah, dadah, pemalsuan dan syariah.
11. Pepatah ada mengatakan, **Mencegah Itu Lebih Baik Dari Mengubati**. Justeru, pembudayaan nilai-nilai integriti dalam kalangan warga Kementerian perlulah diperluaskan agar kes-kes berkaitan dapat dikurangkan pada masa akan datang.
12. Selain daripada pelaksanaan program atau kursus berkaitan integriti yang dilaksanakan oleh Kementerian, setiap warga Kementerian berperanan penting untuk memastikan penghayatan nilai-nilai integriti dan kesedaran tentang kemudaratan rasuah serta kesannya terhadap individu, keluarga, masyarakat, institusi dan negara.

13. Dalam konteks Kementerian, saya menyarankan agar setiap peringkat pengurusan mempertingkatkan aspek '**due diligence**' dalam pelaksanaan setiap tugas bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan ke arah kesejahteraan rakyat.

PELANCARAN PELAN OACP KKR 2021-2025

14. Bersempena dengan sambutan Hari Integriti ini, saya akan melancarkan **Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP), Kementerian Kerja Raya (KKR) 2021-2025.**
15. Di bawah Pelan OACP KKR ini, Kementerian telah merangka 4 strategi dengan berpandukan visi, misi dan objektif Kementerian iaitu memupuk tadbir urus yang baik; memantapkan kecekapan dalam pengurusan projek; meningkatkan akauntabiliti dan profesionalisme dalam pengurusan kewangan serta memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan dan memperkasakan ketelusan pentadbiran.
16. Pelaksanaan strategi-strategi tersebut diterjemahkan kepada **32 inisiatif** yang melibatkan semua Bahagian/ Unit di Kementerian Kerja Raya bagi tempoh **5 tahun**. Inisiatif-inisiatif yang telah dirangka di dalam dokumen OACP KKR merupakan **komitmen secara kolektif** Kementerian untuk bersama-sama memastikan negara ini dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah.
17. Saya yakin bahawa visi OACP KKR iaitu **Ke Arah KKR Berintegriti dan Bebas Rasuah** akan dapat dicapai sekiranya setiap warga

Kementerian dapat membudayakan konsep pencegahan serta memelihara integriti dalam pelaksanaan tanggungjawab dan tugas seharian. Ini termasuklah menolak amalan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

18. Saya amat berharap agar semua inisiatif di bawah kerangka OACP ini berjaya dilaksanakan sepenuhnya dalam tempoh 5 tahun serta **memberikan impak yang baik kepada rakyat dan negara** yang kita sayangi.

PENUTUP

19. Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan Pelan OACP KKR serta menjayakan program '**Sambutan Hari Integriti KKR**' pada hari ini.
20. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP), Kementerian Kerja Raya (KKR) 2021-2025.

Wabillahi taufiq walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Sekian, terima kasih.